

**PERATURAN PERMAINAN TAEKWONDO****1 PERATURAN TEKNIKAL**

## 1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang World Taekwondo (WT).

## 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024.

**2 PERATURAN PERTANDINGAN**

## 2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan

## 2.1.1 Acara Kyorugi

<b>KATEGORI LELAKI</b>	<b>KATEGORI WANITA</b>
Bawah 54 kg	Bawah 46 kg
54 kg – 58 kg	46 kg – 49 kg
58 kg – 63 kg	49 kg – 53 kg
63 kg – 68 kg	53 kg – 57 kg
68 kg – 74 kg	57 kg – 62 kg
74 kg – 80 kg	62 kg – 67 kg
80 kg ke atas)	67 kg ke atas

## 2.1.2 Acara Poomsae

<b>LELAKI &amp; WANITA</b>	<b>PUSINGAN AWAL &amp; AKHIR</b>
Individu	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback, Pyongwon, Shipjin
Berpasukan (3 Orang)	
Campuran (2 Orang)	

## 2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Setiap institusi dibenarkan mendaftar hanya seorang peserta bagi setiap kategori.
- 2.2.2 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.

## 3 SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Acara Kyorugi : Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati
- 3.2 Acara Poomsae : Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan. Empat (4) peserta terbaik akan mara ke Peringkat akhir.
- 3.3 Masa pertandingan bagi acara kyorugi adalah selama 2 minit bagi setiap pusingan dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.
- 3.4 Semua peserta acara kyorugi **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang berat sehari sebelum pertandingan bermula. Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.
- 3.5 Bagi acara poomsae, semua peserta dikehendaki untuk melakukan dua (2) 'pattern' pada peringkat kumpulan dan pusingan akhir.
- 3.6 'Pattern' yang akan dipertandingkan bagi peringkat kumpulan dan akhir akan ditentukan melalui undian sebelum kejohanan berlangsung.
- 3.7 Seorang peserta Poomsae hanya **DIBENARKAN** menyertai dua (2) kategori sahaja bagi acara poomsae.

## 4 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 4.1 Setiap pemain hendaklah memakai pakaian rasmi yang dibenarkan dalam permainan taekwondo.

**5 HADIAH KEMENANGAN**

5.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2024

5.2 Bagi acara Kyorugi, peserta yang kalah di separuh akhir akan dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.

5.3 Bagi acara Poomsae, peserta ditempat ketiga dan keempat akan dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.

**6 RINGKASAN PENYERTAAN**

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai
1	<b>Kyorugi</b>			4
	Bawah 54 kg	1		
	54 kg – 58 kg	1		
	58 kg – 63 kg	1		
	63 kg – 68 kg	1		
	68 kg – 74 kg	1		
	74 kg – 80 kg	1		
	80 kg ke atas)	1		
	Bawah 46 kg		1	
	46 kg – 49 kg		1	
	49 kg – 53 kg		1	
	53 kg – 57 kg		1	
	57 kg – 62 kg		1	
	62 kg – 67 kg		1	
	67 kg ke atas		1	
2	<b>Poomsae</b>			4
	Individu	1	1	
	Campuran	1	1	
	Berpasukan	3	3	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>12</b>	<b>12</b>	<b>4</b>